# *Thousand Smile* Galak Pelajar Senyum

Oleh: Marni Tahir

ISNIN, 1 APRIL - Sempena program IM4U pihak UMS telah menjalankan program SEMEGA di Sekolah Menengah St.Micheal, Penampang yang melibatkan pelajar UMS, para guru, pelajar dan pekebun di sekolah berkenaan.

Program SEMEGA ini merupakan program baktisiswa yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS (HEP) yang diselaras oleh Alan James

Bagi menjamin kelangsungan program ini seramai 25 orang pelajar UMS yang telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk ditugaskan membersihkan kawasan sekolah.

Guru-guru, pelajar dan pekebun sekolah juga turut membantu dalam menjayakan aktiviti pembersihan sempena program bakti siswa ini. Aktiviti yang dijalankan seperti membersihkan tempat kitar semula, bilik stor, kawasan padang, kawasan taman bunga dan kawasan persekitaran sekolah.

'Program seperti ini sangat baik terutama kepada kita selaku pelajar UMS kerana kita dilatih untuk membuat khidmat komuniti kepada masyarakat luar selain daripada menuntut ilmu di kampus' kata Nur Salwani,22.pelajar Pengajian Seni.

Program yang bermula pada sebelah petang itu memperlihatkan kerjasama yang baik antara Pihak UMS dengan pihak sekolah.



Sebahagian ahli jawatankuasa ROTARACT yang terlibat dalasm kempen Thousand Smile di Perkarangan Perpustakaan UMS.